

Graduan perlu lebih fleksibel berdepan realiti pekerjaan



Oleh Dr Nor Azlah Sham Rambely
bhrencana@bh.com.my

Oktober hingga Disember menyaksikan universiti awam (UA) melangsungkan majlis istiadat konvokesyen bagi meraikan penuntut bakal bergelar graduan.

Majlis konvokesyen adalah detik paling dinanti setiap graduan sebagai tanda kejayaan mereka menamatkan pengajian. Ia bukan sahaja simbol kejayaan akademik, tetapi langkah pertama untuk menuju ke alam pekerjaan.

Kebanyakan graduan melihat hari ini sebagai titik perubahan penting, diraikan bersama keluarga dan rakan. Namun, realiti selepas tamat pengajian tidak selalunya indah.

Graduan kini berhadapan cabaran besar, termasuk persaingan sengit dalam pasaran kerja. Ada yang berjaya memperoleh pekerjaan sesuai dengan bidang pengajian mereka, tetapi tidak kurang reda bekerja di luar bidang atau masih menganggur selepas berbulan-bulan menunggu peluang.

Dalam dunia pekerjaan semakin mencabar, graduan perlu bersikap proaktif. Selain memiliki kelayakan akademik, mereka perlu menguasai kemahiran insaniah seperti komunikasi, penyelesaian masalah dan kerja berpasukan.

Majikan masa kini cenderung memilih calon mempunyai nilai tambah, termasuk pengalaman praktikal atau latihan industri.

SKPG kumpul data status pekerjaan graduan

Universiti pada asasnya mempunyai modul bagi melengkapkan graduan dengan kemahiran relevan dengan kehendak pasaran. Program seperti kerjasama industri, latihan amali dan kursus kemahiran tambahan kepada graduan diwujudkan supaya mereka lebih bersedia menghadapi realiti pekerjaan.

Kerajaan turut mengambil langkah memahami cabaran graduan melalui Sistem Kajian Pengelesenan Graduan (SKPG). Sistem ini mengumpul data status pekerjaan graduan selepas tamat pengajian.

Ia memberikan gambaran sebenar mengenai kadar kebolehpasaran graduan serta mengenal pasti isu dihadapi, seperti pekerjaan di luar bidang atau tempoh menunggu yang panjang.

Sejak diperkenalkan pada 2002, SKPG terus diperbaiki. Kini, SKPG 2.0 membolehkan data pekerjaan graduan dikemas kini secara berterusan. Data ini sangat penting untuk menggubal dasar lebih berkesan, selain menilai kualiti program akademik di universiti.

Pada 2023, sebanyak 93.9 peratus graduan memberikan maklum balas kepada SKPG. Data ini me-

nunjukkan kadar kebolehpasaran graduan di Malaysia dan membantu kerajaan memperkenalkan pelbagai program intervensi. Antaranya ialah Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025 bertujuan meningkatkan peluang pekerjaan kepada graduan baharu.

Selain itu, data SKPG juga digunakan untuk menilai institusi pengajian tinggi (IPT) melalui sistem penarafan seperti audit Tahunan Sistem Penarafan IPT (SETARA) dan Sistem Penilaian Kualiti Kolej Swasta Malaysia (MyQUEST).

Ia memastikan program akademik ditawarkan relevan dengan keperluan industri dan mampu melahirkan graduan berdaya saing.

Graduan hari ini perlu lebih fleksibel menghadapi realiti pekerjaan. Jika sukar mendapatkan pekerjaan dalam bidang pengajian, mereka boleh mempertimbangkan menceburi bidang lain menawarkan peluang kerjaya.

Kursus tambahan dan program latihan juga menjadi pilihan untuk meningkatkan kebolehpasaran mereka.

Alam pekerjaan memerlukan ketahanan mental dan kesediaan kepada graduan belajar perkara baharu.

Dengan sokongan daripada universiti, kerajaan dan inisiatif seperti SKPG, graduan mampu menghadapi cabaran ini dan mencapai kejayaan dalam kerjaya masing-masing.

Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Ummu Malaysia